

Bantu kerajaan pupuk budaya maritim

UM 30 SEP 2003

LANGKAWI 29 Sept. — Semua agensi kerajaan dan swasta perlu memainkan peranan lebih aktif bagi membantu usaha kerajaan memupuk budaya maritim di kalangan generasi muda, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, tanpa kerjasama secara menyeluruh daripada semua pihak, adalah sukar untuk kerajaan menjayakan hasrat tersebut.

“Ini juga sejajar dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang ingin melihat lebih ramai belia melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti maritim,” katanya ketika berucap pada Seminar Maritim Kebangsaan Ke-3 sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (LIMA'03) yang bermula esok hingga 5 Oktober ini.

Lebih 100 peserta dari 22 agensi maritim negara hadir pada seminar yang bertema ‘Perkongsian Pintar Dalam Mengurus Cabaran-cabaran Maritim.’

Menurut Najib, kerajaan amat mengalu-alukan sebarang usaha terutama membabitkan pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) yang ingin bekerjasama membangunkan industri maritim negara.

Malah, katanya, Kementerian Pertahanan yakin seminar itu boleh dijadikan sebagai salah satu platform yang efektif dan praktikal untuk berkongsi idea serta berbincang dalam pelbagai aspek pembangunan maritim serta cabaran-cabaran yang dihadapi.

Usaha tersebut penting kerana jelas beliau, sebagai sebuah negara maritim, Malaysia perlu sentiasa mencari strategi-strategi baru ke arah mempertingkatkan pembangunan sektor maritimnya.